



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

SARJAN MOHAMMAD BIN ABD RAHMAN MENGENAI KONFLIK
PEPERANGAN ANTARA ETNIK SERBIA DAN ALBANIA DAN
PENGALAMAN BELIAU KETIKA MENYERTAI MISI PERTUBUHAN
BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) DI KOSOVO
PADA TAHUN 11 JULAI 2000 SEHINGGA 30 NOVEMBER 2001

DISEDIAKAN OLEH:

NUR NADIAH BINTI MOHAMMAD
AINUL IZZAH BINTI BAHROL

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
JOHOR KAMPUS JOHOR BAGI MEMEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)

ISI KANDUNGAN

Bil	Kandungan	m/s
1	Penghargaan	3-4
2	Abstrak	5
3	Pengenalan	6-12
4	Transkrip	13-59
5	Senarai Soalan	60-67
6	Log Temubual	69-78
7	Biografi Tokoh	79-80
8	Rujukan	81
9	Lampiran a. Gambar Tokoh b. Projek Penyelidikan Sejarah Lisan c. Perjanjian Mengenai Sejarah Lisan d. Surat Pengakuan Penerimaan Salinan Transkrip Sejarah Lisan	82-90

PENGHARGAAN

Assalamualaikum. Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya serta berkat keizinan-Nya dapat kami menyiapkan tugas yang diamanahkan. Tanpa restu dan keredhaan-Nya, pasti tugas ini tidak dapat disiapkan dengan jayanya.

Di dalam menyiapkan tugas ini, pelbagai pihak yang telah turut serta membantu. Terutama sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada **Puan Azura Binti Kamarudzzaman** pensyarah Sejarah Lisan (IMR604) Fakulti Pengurusan Maklumat kerana dengan tunjuk ajar serta panduan beliau yang telah dicurahkan. Tanpa tunjuk ajar, garis panduan serta pertolongan beliau di sepanjang kami menyiapkan tugas ini, sudah pasti tugas ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Perlbagai jenis panduan, tunjuk ajar serta kaedah yang telah beliau sampaikan kepada kami demi memastikan kami dapat menghasilkan tugas yang mengikut keperluan yang dikehendaki. Tidak dilupakan juga kepada Deftektif Sarjan 100862 Mohammad Bin Abdul Rahman yang merupakan individu yang dipilih untuk tujuan temuramah bagi melengkapkan tugas ini. Jasa beliau tidak akan dilupakan kerana sudi untuk ditemuramah oleh kami serta kerjasama serta komitmen yang beliau berikan sepanjang tugas ini dijalankan. Layanan baik dan mesra yang diberikan oleh pihak keluarga beliau turut membantu kami dalam memudahkan pencarian maklumat yang dikehendaki di dalam tugas ini dengan jayanya. Tanpa jasa baik beliau, pasti segala maklumat yang kami ingin dapatkan sukar diperolehi. Disamping itu juga, tidak dilupakan kepada rakan-rakan kelas yang turut serta dalam menyumbang idea serta pendapat yang berguna disamping kami menyiapkan tugas ini. Tanpa bantuan dan pendapat daripada mereka pasti tugas ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Abstrak

Abstrak: Nur Nadiah Binti Mohammad dan Ainul Izzah Binti Bahrol telah menemubual Sarjan Mohammad Bin Abd Rahman pada hari Sabtu, 6 Disember 2014. Temubual ini telah dibuat di kediaman beliau Lot 7059 Taman Lenggong 73000 Tampin, Negeri Sembilan. Beliau dilahirkan pada 8 Ogos 1960 dan telah berkecimpung dalam bidang kepolisan selama 30 tahun. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang polis pelbagai anugerah yang telah di terima oleh beliau terutama anugerah Pingat Jasa Kebaktian, Anugerah Juara Disiplin Polis dan Anugerah penglibatan beliau di dalam satu Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Kosovo. Anugerah yang diterima oleh beliau itu melambangkan sikap kecekapan, kesungguhan dan kedisiplinan sepanjang beliau bertugas. Beliau juga menceritakan pengalaman beliau semasa menyertai satu Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Kosovo dan pelbagai konflik peperangan yang berlaku di sana terutama berkenaan peperangan di antara etnik Serbia dan Albania sehingga wilayah Kosovo kucar-kacir dan musnah. Di dalam temubual inilah, menceritakan kisah konflik peperangan yang berlaku di wilayah Kosovo, bagaimana beliau terlibat di dalam Misi PBB, apa tanggungjawab beliau sebagai polis antarabangsa, bagaimana beliau menjalankan kehidupan dan menghadapi situasi-situasi genting di negara yang bergolak ini. Semasa menjalankan tugas di sana beliau juga terlibat dalam mengawal keadaan semasa pilihanraya, demonstrasi, serangan dari pemberontak dan bagaimana beliau membantu atau memberikan nasihat dari segi menyelesaikan masalah juga cara-cara menangani kes-kes jenayah yang berlaku di sana.

Kata kunci: Kosovo, Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pingat Jasa Kebaktian, Anugerah Disiplin Polis, Konflik Peperangan Etnik Serbia dan Albania, polis antarabangsa.

Pengenalan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB ialah sebuah pertubuhan antarabangsa yang dibentuk di San Francisco, California pada 24 Oktober 1945 selepas Perang Dunia II. Keahliannya terbuka kepada semua negara di seluruh dunia. Matlamat-matlamat utamanya, sebagaimana yang ditetapkan dalam piagam PBB, adalah untuk mengelakkan perulangan pertikaian yang hebat, menegaskan hak asasi manusia yang utama, menjamin rasa hormat akan undang-undang antarabangsa, serta memperbaiki taraf hidup penduduk di seluruh dunia.

PBB telah ditubuhkan semata-mata untuk menggantikan Liga Bangsa-bangsa yang telah dibubarkan setelah gagal menghalang Perang Dunia II. Ibu pejabat asal PBB terletak di San Francisco, akan tetapi PBB kini beroperasi di New York yang merupakan ibu pejabat sejak 1946.

Istilah "Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu" ("United Nations") dicetuskan oleh Franklin D. Roosevelt sewaktu Perang Dunia II berlangsung untuk merujuk kepada Pihak Berikat yang terdiri daripada 26 negara. Nama ini digunakan secara rasmi buat pertama kali pada 1 Januari 1942 dalam "Pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu". Pengisytiharan ini bertujuan untuk mengikat ahli-ahli Pihak Berikat kepada prinsip-prinsip Piagam Atlantik serta untuk menerima sumpah daripada ahli-ahlinya supaya tidak menuntut keamanan daripada Kuasa Paksi. Selepas pengisytiharan itu, Pihak Berikat menggunakan nama Gagasan untuk PBB telah diperincikan dalam pengisytiharan-pengisytiharan yang ditandatangani dalam persidangan-persidangan Pihak Berikat di Moscow, Kaherah dan Tehran sewaktu masih berperang pada tahun 1943. Dari Ogos sehingga Oktober 1944, wakil-wakil daripada Perancis, Republik China, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet bertemu untuk memperincikan rancangan-rancangan di Estet Dumbarton Oaks, Washington, D.C.